

- (c) Urus niaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Jamie.

Pulangan jualan RM345 daripada Tyra Enterprise tersilap catat sebagai RM435 dalam kedua-dua akaun.

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am?


[2 markah]

- (d) Pada 1 Januari 2022, Syarikat Cemerlang Berhad telah menerbitkan 800 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer.

Syarikat telah membayar dividen interim 3 sen sesyer untuk Syer Biasa. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2022, Lembaga Pengarah Syarikat Cemerlang Berhad mengisytiharkan 5% dividen akhir Syer Biasa. Berapakah jumlah dividen yang diterima oleh pemegang Syer Biasa?

[2 markah]

- (e) Graf berikut menunjukkan Titik Pulang Modal sebuah perniagaan.



Namakan garisan X dan Y.

[2 markah]

- 2 Rosman dan Nisham ialah pekongsi bagi perniagaan Perkongsian RONI.
Maklumat berikut diambil daripada buku Perkongsian RONI pada 28 Februari 2023.

Perkongsian RONI
Imbangan Duga pada 28 Februari 2023

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Modal Rosman		60 000
Akaun Modal Nisham		30 000
Akaun Semasa Rosman		2 490
Akaun Semasa Nisham	1 215	
Ambilan Nisham (1 Oktober 2022)	800	
Pinjaman Rosman		10 000
Kenderaan	80 000	
Perabot	16 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		8 000
Susut Nilai Terkumpul Perabot		1 600
Kadar bayaran	3 950	
Insurans	3 600	
Peruntukan Hutang Ragu		235
Gaji	26 200	
Sewa kedai	6 000	
Bank	33 870	
Untung kasar		61 880
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	5 200	2 630
	<u>176 835</u>	<u>176 835</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Syarat-syarat perjanjian perkongsian mereka adalah seperti berikut:
 - (a) Untung rugi mengikut nisbah 2 : 1
 - (b) Faedah atas modal dibayar 10% setahun
 - (c) Faedah atas ambilan dikenakan 6% setahun
 - (d) Faedah atas pinjaman dibayar 8% setahun
 - (e) Gaji tahunan Rosman dan Nisham ialah RM8 400 dan RM9 600
- (ii) Insurans tahunan dibayar mulai 1 September 2022.
- (iii) Gaji yang dibayar termasuk gaji pekongsi. Didapati gaji Rosman dan Nisham masing-masing masih belum bayar untuk 2 bulan dan 3 bulan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 3% atas Akaun Belum Terima.
- (v) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah nilai buku.
- (vi) Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2023. [7 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2023. [4 markah]
- (c) Akaun Semasa setiap pekongsi. [7 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 28 Februari 2023. [7 markah]

- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan perusahaan Pasu Seramik Warisan pada 31 Disember 2022.

	RM	RM
Inventori pada 1 Januari 2022:		
Barang siap	9 954	
Bahan langsung	8 560	
Kerja dalam proses	4 230	
Alat-alat kecil	3 000	
Belian bahan langsung		35 700
Jualan barang siap		129 445
Pulangan belian		572
Alatan pejabat kos		50 000
Alatan kilang (nilai pada 1 Januari 2022)		55 000
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		5 000
Upah pekerja kilang		16 500
Paten produk		2 000
Insurans		1 800
Kadar bayaran		9 750
Bahan bakar kilang		3 472
Angkutan keluar		970
Gaji kerani pejabat		4 890
Belanja pemasaran		4 050
Upah buruh tak langsung		4 530
Duti import bahan langsung		500
Angkutan masuk bahan langsung		500
Belanja am kilang		2 430
Belian alatan kilang		35 000
Belian alat-alat kecil		2 530

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

	Harga kos RM	Harga Pasaran RM
Barang siap	9 134	10 340
Bahan langsung	6 270	5 720
Kerja dalam proses	3 580	4 670
Alat-alat kecil	1 950	1 000

- (ii) Pada 31 Disember 2022 alatan kilang dinilai semula pada nilai RM75 000.
- (iii) Alatan pejabat disusut nilai dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Angkutan masuk bahan langsung sebanyak RM150 telah tersalah catat dalam angkutan keluar.
- (v) Kadar bayaran dan insurans dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2:1.
- (vi) Kilang telah mengupah 15 orang pekerja kilang mahir bekerja lebih masa dengan bayaran RM8.00 sejam selama 15 jam bagi memenuhi permintaan yang tinggi.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [14 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [11 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a) Samantha Boutique ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Shah Alam. Berikut ialah baki aset dan liabiliti perniagaan tersebut pada 30 Jun 2023.

	RM
Perabot	25 000
Inventori	10 500
Tunai	3 800
Bank	34 000
Akaun Belum Bayar	3 900
Kadar Bayaran Belum Bayar	400
Untung bersih	13 800

Urus niaga berikut telah berlaku pada bulan Julai 2023:

2023

- Julai 3 Beli meja dan kerusi RM1 800 secara kredit daripada Elite Furniture.
 6 Mengambil barang niaga berkos RM380 untuk kegunaan peribadi.
 11 10% inventori dijual secara tunai RM1 500.
 19 Pemilik membayar kadar bayaran dengan cek RM400.
 23 Mengeluarkan tunai dari bank RM3 500 untuk membayar gaji pekerja berjumlah RM1 200 dan bakinya disimpan di pejabat.
 26 Membeli barang niaga RM2 550 secara tunai.
 28 Cek bernilai RM1 200 telah dibayar kepada Akaun Belum Bayar untuk menjelaskan hutangnya sebanyak RM1 300.

Anda dikehendaki merekod urus niaga bulan Julai dalam jadual di **Lampiran A.**

[11 markah]

(b) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Salju Biru bagi tahun berakhir 31 Mei 2023.

	RM
Jualan	520 000
Inventori pada 1 Jun 2022	36 000
Inventori pada 31 Mei 2023	22 000
Belian	310 000
Jumlah hasil operasi	2 500
Jumlah belanja operasi	12 400
Bank	260 000
Akaun Belum Terima	43 000
Akaun Belum Bayar	28 000
Tunai	2 500
Modal pada 1 Jun 2022	410 000

Anda dikehendaki menghitung nisbah-nisbah berikut bagi tahun berakhir 31 Mei 2023 (jawapan dalam 2 tempat perpuluhan).

- | | |
|---------------------------|------------|
| (i) Untung bersih | [3 markah] |
| (ii) Margin Untung Bersih | [2 markah] |
| (iii) Pulangan atas modal | [2 markah] |
| (iv) Nisbah Ujian Asid | [2 markah] |

- 5 (a) Puan Faridah memulakan perniagaan Fairy Ingredients House pada 1 Julai 2022 dengan tunai di tangan RM5 000, tunai di bank RM25 000 dan lengkapan RM20 000. Rekod perniagaannya disimpan tanpa mengikut sistem catatan bergu.

Baki-baki berikut diperoleh pada 30 Jun 2023.

	RM
Lengkapan	18 000
Akaun Belum Terima	9 900
Akaun Belum Bayar	4 500
Bank	25 000
Tunai	2 200
Inventori	15 560
Insurans prabayar	300
Kadar bayaran belum bayar	400

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Oktober 2022, Puan Faridah telah membawa masuk sebuah kenderaan miliknya bernilai RM50 000 untuk kegunaan perniagaan. Kadar susut nilai kenderaan adalah 10% setahun atas kos.
- (ii) Sekeping inouis yang diterima daripada pembekal bernilai RM1 500 belum diambil kira dalam jumlah Akaun Belum Bayar.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Pemilik telah membuat ambilan tunai sebanyak RM200 setiap bulan bermula Januari 2023. Perkara ini belum dicatatkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Penyata Mengira Modal Akhir. [5 markah]
- (ii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [3 markah]

- (b) Pada 1 Jun 2023, buku perniagaan Farisha Enterprise menunjukkan baki-baki seperti berikut:

	RM
Tunai	3 200
Bank	30 000
Lengkapan	15 500
Premis	80 000

Maklumat yang berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2023.

- (i) Jualan pada bulan Jun ialah RM78 000. Jualan dijangka meningkat sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya.
- (ii) Belian pada bulan Mei ialah RM32 000. Belian dijangka meningkat 5% daripada bulan sebelumnya. Barang niaga daripada pembekal dibeli secara kredit. Tempoh kredit ialah 30 hari.
- (iii) Perbelanjaan setiap bulan adalah seperti berikut:
 - (a) Gaji bulanan RM1 800 seorang bagi 2 orang pekerja
 - (b) Kadar bayaran dianggarkan sebanyak RM450 sebulan
 - (c) Belanja am RM200 sebulan dan dijangka meningkat sebanyak 10% pada bulan Ogos

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2023. [12 markah]

- 6 Pada 1 Oktober 2023, Encik Amir Azri memulakan perniagaan Kedai Alat Tulis Amir di Shah Alam, Selangor dengan modal berjumlah RM25 500. Wang berjumlah RM500 disimpan di pejabat sebagai tunai di tangan dan bakinya telah didepositkan ke dalam bank.

Berikut adalah dokumen Kedai Alat Tulis Amir berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Oktober 2023:

MEMO		M001/23
Kedai Alat Tulis Amir		
No. 10, Jalan Kayangan, 40000 Shah Alam, Selangor. No. Telefon: 03-5520 6533		
Kepada: Pengurus Akaun	Tarikh: 1 Oktober 2023	
Daripada: Amir Azri bin Ahmad		
Perkara: RM200 diberikan kepada juruwang untuk kegunaan tunai runcit bulan Oktober 2023.		
		<u>Amir</u> Pengurus

Dokumen 1

ASAL

INV. 2756

INVOIS

Perniagaan Aina

No. 75, Jalan Kristal L9/L,
40100 Shah Alam, Selangor.
No. Telefon: 03-5520 3551

Tarikh: 2 Oktober 2023

Kepada:

Kedai Alat Tulis Amir

No. 10, Jalan Kayangan,
40000 Shah Alam, Selangor.

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Buku Latihan 60gsm 80s	100	1.50	150.00
2	Pensel Mekanikal	300	4.50	1 350.00
3	Cecair Pemadam	300	3.50	1 050.00
4	Kertas Kajang A4 80gsm	200	4.00	800.00
5	Pembalut Buku Plastik	100	3.00	300.00
6	Fail	500	3.50	1 750.00
7	Pen Pentel	400	0.50	200.00
8	Pembaris Panjang	100	1.00	100.00
				5 700.00
<i>Tolak: Diskaun niaga 10%</i>				570.00
Jumlah				5 130.00

(Ringgit Malaysia: Lima ribu satu ratus tiga puluh sahaja)

Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari

Serahan: Angkutan dibayar

K. & K. di K

Amir
Penerima

Aina
Pengurus

Dokumen 2

3756/2

[Lihat halaman sebelah

SALINAN **BT 0001**

BIL TUNAI
Kedai Alat Tulis Amir
 No. 10, Jalan Kayangan,
 40000 Shah Alam, Selangor.
 No. Telefon: 03-5520 6533

Tarikh: 4 Oktober 2023

Kepada:
Encik Fakhrul bin Ahmad

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Buku Latihan 60gsm 80s	10	2.00	20.00
2	Pensel Mekanikal	20	5.50	110.00
3	Cecair Pemadam	10	4.50	45.00
4	Fail	20	4.50	90.00
5	Pen Pentel	10	1.50	15.00
6	Pembaris Panjang	10	2.00	20.00
			Jumlah	300.00

Tunai / No. Cek:

Fakhrul
Penerima
Amir
Pengurus

Dokumen 3

PASARAYA SINAR MENTARI
 No. 75, Jalan Makmur,
 40000 Shah Alam, Selangor.

06-034-002-5531-PM

Biskut	3321	2	5.00	10.00
Gula	3324	2	3.00	6.00
			Jumlah	RM16.00
			Tunai	RM50.00
			Baki	RM34.00

05/10/2023 10:58:27

TERIMA KASIH

Dokumen 4

3756/2

ASAL

NK 311

NOTA KREDIT

Perniagaan Aina

No. 75, Jalan Kristal L9/L,
40100 Shah Alam, Selangor.
No. Telefon: 03-5520 3551

Tarikh: 6 Oktober 2023

Kepada:

Kedai Alat Tulis Amir

No. 10, Jalan Kayangan,
40000 Shah Alam, Selangor.

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Cecair Pemadam (rosak)	20	3.50	70.00
				70.00
<i>Tolak: Diskaun niaga 10%</i>				7.00
Jumlah				63.00

(Ringgit Malaysia: Enam puluh tiga sahaja)

Amir

Penerima

Aina

Pengurus

Dokumen 5

KERATAN CEK

Tarikh : 9 Oktober 2023Penerima : Perniagaan AinaTujuan : Bayaran sebahagian invois

	RINGGIT	SEN
Baki terakhir	25 000	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	25 000	00
Cek ini	2 500	00
Baki	22 500	00

BG110245

Dokumen 6

3756/2

[Lihat halaman sebelah

SALINAN

INV. 0001

INVOIS

Kedai Alat Tulis Amir
No. 10, Jalan Kayangan,
40000 Shah Alam, Selangor.
No. Telefon: 03-5520 6533

Tarikh: 13 Oktober 2023

Kepada:

Perniagaan Suraya
No. 6, Jalan Muhibah,
42100 Klang, Selangor.

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Buku Latihan 60gsm 80s	50	2.00	100.00
2	Pensel Mekanikal	70	5.50	385.00
3	Cecair Pemadam	80	4.50	360.00
4	Kertas Kajang A4 80gsm	90	5.00	450.00
5	Pembalut Buku Plastik	80	4.00	320.00
6	Fail	90	4.50	405.00
7	Pen Pentel	80	1.50	120.00
8	Pembaris Panjang	70	2.00	140.00
				2 280.00
<i>Tolak: Diskaun niaga 10%</i>				228.00
Jumlah				2 052.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu lima puluh dua sahaja)

Syarat : 10% 7 hari, 5% 14 hari

Serahan: Angkutan dibayar

K. & K. di K

Suraya

Penerima

Amir

Pengurus

Dokumen 7

Stesen Minyak Insani
 No. Cukai: 8877654321
 POS: 8
 Store No. : 652187
 19/10/2023 07:45:42 pm **InsaniOil**

D: Pam #10 50.00 Prabayar: Blaze95
 @ RM 2.03/Ltr

GST RM: 0.00
 Jumlah RM termasuk GST: 50.00

Tunai 50.00
 Baki 0.00

GST	Jumlah (RM)	Cukai (RM)
D=0.00%	50.00	0.00

D – Relief Under Section
 56 (3)(b) GST Act 2014

Dokumen 8

SALINAN **No. Resit: 0001**

RESIT RASMI
Kedai Alat Tulis Amir
 No. 10, Jalan Kayangan,
 40000 Shah Alam, Selangor.
 No. Telefon: 03-5520 6533

Tarikh: 23 Oktober 2023

Diterima daripada : Perniagaan Suraya
 Ringgit Malaysia : Satu ribu sahaja
 Untuk bayaran : Sebahagian invois INV. 0001

RM1 000.00

Tunai / No. Cek: MBB235421

Amir
 Pengurus

Dokumen 9

M002/23

MEMO

Kedai Alat Tulis Amir
No. 10, Jalan Kayangan,
40000 Shah Alam, Selangor.
No. Telefon: 03-5520 6533

Kepada: Pengurus Akaun
Daripada: Amir Azri bin Ahmad

Tarikh: 25 Oktober 2023

Perkara:

Mengambil 10 buah fail bernilai RM3.50 sebuah untuk kegunaan perniagaan.

Amir

Pengurus

Dokumen 10

Anda dikehendaki merekodkan dokumen sumber berkenaan ke dalam:

- | | |
|----------------------------|------------|
| (a) Jurnal Am | [3 markah] |
| (b) Jurnal Belian | [2 markah] |
| (c) Jurnal Jualan | [2 markah] |
| (d) Jurnal Pulangan Belian | [2 markah] |
| (e) Buku Tunai | [6 markah] |
| (f) Buku Tunai Runcit | [5 markah] |

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

NO. KAD PENGENALAN - -

ANGKA GILIRAN

Nama Tingkatan

Sekolah

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah			

HALAMAN KOSONG

No. Urut	Nama	Jenis	Jumlah
1
2
3
4
5
6
7
8
9
10

Soalan: 1

(a)
(b)
(c)
(d)
(e)

[Lihat halaman sebelah

Soalan: 2(a)

A large rectangular box with horizontal ruling lines, intended for a student's handwritten answer to the question above.

Soalan: 2(c)

LEJAR

Soalan: 3(a)

A large rectangular area containing 25 horizontal lines, intended for handwritten answers.

3756/2

Tarikh	Perabot	Inventori	Tunai	Bank	Akaun Belum Bayar	Kadar bayaran belum bayar	Modal	Untung Bersih



Soalan: 5(a)

A large rectangular area with horizontal lines, intended for writing the answer to the question. It contains 24 empty rows.

Soalan: 6

JURNAL

Soalan: 6

JURNAL

Soalan: 6(e)

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Fol.	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Fol.	Diskaun	Tunai	Bank



Soalan: 6(i)

BUKU TUNAI RUNCIT

				RM	RM
2023			RM		RM